



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

20 JANUARI 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

20 JANUARI 2022 (KHAMIS)

Bekalan **bahan mentah** cukup!

Orang ramai digesa jangan buat pembelian secara panik sempena Tahun Baharu Cina bulan depan

Oleh **Zatul Iffah Zolkipli**
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat pembelian panik menjelang sambutan Tahun Baharu Cina, bulan depan. Pengarah Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya memberi jaminan bekalan makanan termasuk minyak masak dan ayam mencukupi.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa melakukan pemantauan di semua peringkat bagi memastikan keberadaan bekalan di pasaran.

Katanya, beberapa langkah proaktif turut dilakukan bagi memastikan bekalan mampu menampung keperluan pengguna sepanjang musim perayaan termasuk pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Ma-

laysia (SHMKM) dan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

"Ini antara usaha dilakukan untuk memastikan bekalan mencukupi dan pada masa sama, kita mahu memastikan tidak

ada pihak mengambil kesempatan untuk menaikkan atau memanipulasikan harga ketika musim perayaan dan sebagainya.

"Sekiranya terdapat kekurangan bekalan di pasaran, orang ramai boleh melakukan aduan kepada pihak berkuasa dan tindakan susulan akan dibuat," katanya di pejabat KPDNHEP Terengganu, di sini, semalam.

Saharuddin berkata, seramai 117 pegawai penguat kuasa dan 58 pegawai pemantau harga digerakkan untuk melakukan pemantauan dan penguatkuasaan di seluruh Terengganu.

Katanya, pemantauan dilakukan setiap masa bagi memastikan peniaga patuh dengan skim ditetapkan selain pada masa sama melindungi hak pengguna.

**“
Sekiranya
kekurangan
bekalan di pasaran,
orang ramai boleh
melakukan aduan
Saharuddin**

Program Jualan Keluarga Malaysia bantu ringan beban rakyat

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Ampang, Datuk Zuraida Kamaruddin meluangkan masa melawat AEON BiG Ampang pada Ahad, 16 Januari lalu.

Walkabout tersebut diadakan bersempena dengan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) peringkat Negeri Selangor.

PJKM disertai oleh cawangan-cawangan AEON dan AEON BiG terpilih di seluruh negara.

Turut hadir ialah Pengarah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Negeri Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah dan Ketua AEON BiG, Sheikh Farouk Sheikh Mohamad.

Zuraida yang juga Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyokong pelaksanaan PJKM sebagai satu inisiatif



Zuraida (dua dari kanan) memotong riben sempena merasmikan walkabout peringkat negeri Selangor.



Zuraida bersama Sheikh Farouk (kanan) pada walkabout bersempena PJKM peringkat negeri Selangor di AEON BiG Ampang.

kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya pengguna dari kalangan berpendapatan rendah.

PJKM menawarkan pilihan kepada pengguna untuk men-

dapatkan pelbagai barangan keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran

setempat.

PJKM yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini merupakan pengemblengan usaha pelbagai agensi kerajaan.

Inisiatif ini diperluaskan di seluruh negara mulai 4 Disember 2021 secara berperingkat supaya manfaatnya dapat dinikmati oleh rakyat di bandar dan di luar bandar.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.99
• Daging Lembu Tempatan	RM4.0
• Daging Lembu Import	RM2.8
• Telur Gred A	RM12.45
• Ikan Kembung	RM10.99
• Minyak Masak	RM6.38
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM1.80
• Bawang Putih	RM5.50
• Cili Merah	RM8.89
• Kubis Tempatan	RM2.79
• Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



New fuel prices
Jan 20 - Jan 26

RON95	RON97	Diesel
RM2.05 (unchanged)	RM3.07 (unchanged)	RM2.15 (unchanged)